

20 OCT 2001

REAKSI-SHAMSIR JASANI

MASANYA UNTUK KURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA PERMINTAAN LUARAN

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Keazaman kerajaan persekutuan untuk mengujudkan pelbagai langkah untuk mencergaskan ekonomi domestik melalui beberapa galakan fiskal, untuk mengurangkan pergantungan kepada permintaan luaran, adalah tepat masanya di tengah-tengah kelembapan ekonomi dunia berikutan prestasi yang lemah di Amerika Syarikat.

Firma akauntan awam, Shamsir Jasani Grant Thornton berkata memandangkan sektor swasta atau sebaliknya, permintaan domestik, adalah tidak mencukupi untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, adalah tepat masanya bagi Malaysia menangani isu-isu ekonomi domestik untuk memperkukuhkan asas-asas bagi pertumbuhan ekonomi dan menangani kelemahan struktur.

Shamsir Jasani Grant Thornton adalah anggota firma Grant Thornton International.

Firma itu berkata bahawa pada awal tahun ini, kerajaan telah melakukan banyak pengubahsuaian daripada segi langkah-langkah untuk meningkatkan sektor-sektor perbankan, pasaran modal dan korporat untuk menggerakkan ekonomi supaya kembali pulih.

Meneruskan matlamat belanjawan awal tahun ini untuk mengujudkan persekitaran yang mesra perniagaan, kali ini, kerajaan adalah lebih ke dalam dasar pertumbuhan didahului domestiknya.

"Misi ini adalah untuk menghapuskan kesan negatif ke atas kumpulan berpendapatan rendah, untuk meningkatkan peluang-peluang bagi usahawan-usahawan kecil dan menggalakkan perniagaan runcitan," firma itu berkata dalam satu kenyataan hari ini sebagai reaksi kepada Belanjawan 2002, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam.

Firma itu menambah kata bahawa daripada cadangan-cadangan Belanjawan itu, adalah jelas bahawa kerajaan amat mengambil berat terhadap kemelesetan ekonomi berpanjangan yang mana pasti akan menjejaskan kesejahteraan sosial terutamanya yang kurang bernasib baik dan yang cacat.

Ia berharap agar pengagihan yang lebih samarata pendapatan antara golongan kaya dan miskin seperti ditekankan di dalam Belanjawan itu, akan mengujudkan kesan yang positif. -- BERNAMA

WNZ KTC OS